



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 10 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM10 MILLION SALES RECORDED AT MAHA, ASIA TIMES (SABAH) –ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	RM10 MILLION SALES RECORDED AT MAHA. THE SUN -ONLINE	
3.	JUST LOVE IT, THE SUN -ONLINE	
4.	PROJEK LEMBU TENUSU DI CHUPING WUJUDKAN 2,000 PELUANG PEKERJAAN, SH - ONLINE	
5.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	
6.	15,000 DAPAT MANFAAT TAKAFUL RM30 SETAHUN, KOSMO -ONLINE	
7.	COKLAT HERBA LANGKAWI, PROMOSI WARISAN TRADITIONAL MELAYU, KOSMO - ONLINE	
8.	INOVASI BERNAS, FGVIF HASILKAN ALMA, KOSMO -ONLINE	
9.	NAFAS SASAR BEKAL 144 JUTA EKOR AYAM SETAHUN, KOSMO -ONLINE	
10.	NAFAS BAKAL TERAJUI INDUSTRI AYAM, UM -ONLINE	
11.	7,500 UDANG GALAH MENANTI KAKI PANCING, UM -ONLINE	
12.	GUNA SOLAR TANAM NANAS WAKTU MALAM, UM -ONLINE	
13.	NANYANG SIANG PAU -ONLINE	
14.	MAHA 2022 SUDAH CATAT JUALAN LEBIH RM10 JUTA, BH -ONLINE	
15.	INDUSTRI TENUSU SEDIA 2,000 PELUANG KERJA, BH -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

RM10 million sales recorded at Maha

SERDANG: The Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (Maha) at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) recorded sales of more than RM10 million as of Monday.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the event has also recorded an impressive attendance of almost half a million visitors since it started on Aug 4.

"Maha is not only organised physically but also virtually and the number of visitors who access the microsite of the Agriculture and Food Industries Ministry was more than 200,000.

"Although it is held biennially, we are satisfied with the reception of visitors, both virtual and physical. Our target is to collect RM250 million in sales," he said after officiating at the Malaysia Fish and Seafood Exposition (MySE) in conjunction with Maha at MAEPS yesterday.

Ronald said MySE serves as a platform for entrepreneurs in the fisheries sector and sub-sector to penetrate the international market.

"MySE showcases marine products produced by local entrepreneurs and of course, we hope these products can penetrate the international market.

"Maha matched them (entrepreneurs) with various importing agents from abroad and other entities to promote their products and further develop their business," he said.

MySE is aimed at promoting food and fisheries sub-sector technology by local entrepreneurs to explore new markets.

In addition, it also allows visitors to learn about the uniqueness of marine life and the application of food supply chain technology. - Bernama

RM10 million sales recorded at Maha

SERDANG: The Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (Maha) at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) recorded sales of more than RM10 million as of Monday.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the event has also recorded an impressive attendance of almost half a million visitors since it started on Aug 4.

"Maha is not only organised physically but also virtually and the number of visitors who access the microsite of the Agriculture and Food Industries Ministry was more than 200,000.

"Although it is held biennially, we are satisfied with the reception of visitors, both virtual and physical. Our target is to collect RM250 million in sales," he said after officiating at the Malaysia Fish and Seafood Exposition (MySE) in conjunction with Maha at MAEPS yesterday.

Ronald said MySE serves as a platform for entrepreneurs in the fisheries sector and sub-sector to penetrate the international market.

"MySE showcases marine products produced by local entrepreneurs and of course, we hope these products can penetrate the international market.

"Maha matched them (entrepreneurs) with various importing agents from abroad and other entities to promote their products and further develop their business," he said.

MySE is aimed at promoting food and fisheries sub-sector technology by local entrepreneurs to explore new markets.

In addition, it also allows visitors to learn about the uniqueness of marine life and the application of food supply chain technology.

- Bernama

TELLING IT AS IT IS
the sun

ON WEDNESDAY

AUGUST 10, 2022

No. 8084 PP 2644/T2/2012 (031195) www.the-sundaily.my



JUST LOVE IT ...

A heart sign fashioned from dried plants proved irresistible for shutterbugs visiting the 2022 Malaysian Agriculture, Horticulture and Agre-tourism Exhibition at the Malaysia Agro Expo Park Serdang.

- **AMIRUL SYAFIQ/THE SUN**

Projek lembu tenusu di Chuping wujudkan 2,000 peluang pekerjaan

KUALA LUMPUR - Pembangunan Projek Lembu Tenusu berskala besar di Chuping, Perlis dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia dan bakal menggalakkan pembangunan industri penghasilan susu segar domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata projek itu juga meningkatkan tahap sara diri (SSL) negara dalam mengeluarkan susu cecair dan segar sekali gus mengurangkan defisit perdagangan makanan negara serta tekanan kos produk tenusu.

"Pembangunan projek ini melibatkan pelaburan sehingga RM4.5 bilion merangkumi penanaman makanan ternakan lembu tenusu, penghasilan dan pemprosesan susu segar, operasi pembungkusan serta pengedaran produk tenusu," katanya menerusi catatan di Facebook rasmi beliau pada Selasa.

Ismail Sabri berkata, beliau menyaksikan pemeteraian Perjanjian Usahasama (JVA) antara FGV Holdings Bhd, Baladna Food Industries W L L dan Touch Group Holdings Sdn Bhd bagi projek berkenaan selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Serdang, Selangor, Sabtu lalu.

Beliau berkata, komitmen Malaysia untuk merealisasikan pembangunan projek ladang tenusu integrasi di negara ini adalah susulan daripada lawatan beliau ke Qatar pada Mac lepas.

Sementara itu, menerusi perkongsian di Facebook sempena Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia yang disambut pada 9 Ogos setiap tahun, Ismail Sabri berkata, kerajaan akan sentiasa meneruskan agenda memperkasa pembangunan masyarakat Orang Asli di negara ini agar komuniti itu dapat menikmati kesejahteraan dan kemajuan dari aspek ekonomi, sosial dan pendidikan.

"Selamat menyambut Hari Orang Asli kepada semua Orang Asli Keluarga Malaysia sempena Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia," kata Ismail Sabri.

Menurut beliau, tema sambutan pada tahun ini iaitu "Peranan Wanita Orang Asli dalam Pemeliharaan dan Penyambung Pengetahuan Tradisional" adalah amat tepat memandangkan wanita Orang Asli adalah tulang belakang komuniti itu.

"Wanita Orang Asli memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan pemuliharaan adat budaya mereka," ujar Ismail Sabri.

- *Bernama*

農長 75萬訪客

農業展4天銷售1000萬

(沙登9日訊) 农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪披露，自2022年大马农业、园艺及农业旅游博览会(MAHA 2022)上周四(4日)在沙登农业博览馆(MAEPS)展出以来，截至昨天已吸引约75万名访客，同时带来逾1000万令吉的销售额。

他说，由于今年的大马农业、园艺及农业旅游博览会是以混合(hybrid)方式进行，单单线上的访客人数已达25万，亲临现场的实体访客也已超过50万人。

“我们发现民众对2022年MAHA展的反应非常热烈，访客几乎都是一家大小一同前来参与。参展商的销售额也是每日提升，尤其是周末访客人数更加踊跃。”

14日结束 盼销售额2.5亿

罗纳建迪今日在2022年MAHA展为马来西亚鱼类和海鲜博览会(MySE)主持推介后对记者说，农业部相信访客人数可突



罗纳建迪(右)过后参观鱼类和海鲜博览会的单位，一时兴起试玩模拟游船游戏，测试本身的航海技术。(刘永发摄)

破所预测的人数目标，因为该农业旅游博览会还有5天(至本月14日)才结束。

他指出，尽管农业旅游博览会每两年才举办，但我们对访客的反应感到满意，不管是线上还是实体。

“我们的目标是希望达到2亿5000万令吉的销售业绩。”

提及今届马来西亚鱼类和海鲜博览会，大马渔业局(LKIM)有何期待时，罗纳建迪指出，渔

业局希望突出食品工业产品，尤其是渔业产品，让渔业局旗下的参展企业单位增加知名度，同时进一步扩大他们的市场。

“除此之外，大马渔业局还希望宣传其成立5年后所扮演的角色，以努力改善本地渔民社区的社会经济并根据渔业局成立的目标发展国家渔业领域，间接确保粮食安全尤其是海产品在未来继续得到保障。”



HASLINA (kiri) serta Tengku Ahmad (kanan) dengan disaksikan oleh Ronald (tengah) selepas menandatangani MoU antara MAFI dan Agrobank pada MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam. IHSAN MAFI

Perlindungan RM10,000 untuk pelajar bawah MAFI **15,000 dapat manfaat takaful RM30 setahun**

Oleh **SITI A'ISYAH SUKAIMI**

SERDANG – Pelan perlindungan Takaful Pelajar serendah RM30 setahun diperkenalkan Agrobank bakal memberi manfaat kepada 15,000 pelajar institusi di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI).

Menerusi pelan itu, pelajar menikmati perlindungan secara hibrid iaitu RM10,000 untuk kemalangan dan hilang upaya kekal atau RM10,000 bagi kematian biasa.

Sehubungan itu, MAFI bersama Agrobank memeterai memorandum persefahaman (MoU) pelan perlindungan tersebut pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 semalam.



Ia disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang dengan MAFI diwakili Ketua Setiausahaanya, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Agrobank diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pihaknya menyedari kepentingan perlindungan takaful kepada masyarakat daripada pelbagai latar belakang termasuk pelajar.

"Justeru, kerjasama strategik antara Agrobank dan Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) bertepatan dengan prinsip Agrobank bagi memastikan pelajar daripada BLKP turut dilengkapi perlindungan takaful kemalangan yang sewajarnya.

"Ini amat penting bagi melindungi mereka daripada sebarang ketidakpastian yang mungkin berlaku di masa hadapan," katanya selepas MoU tersebut.

Sasaran pelajar ini melibatkan pelatih Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan sijil-sijil di bawah seliaan jabatan iaitu Sijil Pertanian Malaysia (SIP), Sijil Veterinar Malaysia (SVM) dan Sijil Perikanan Malaysia (SP).



ROSLI menunjukkan coklat mengandungi ramuan herba pada **MAHA 2022** di **MAEPS**, Serdang kelmarin.

Coklat herba Langkawawi, promosi warisan tradisional Melayu

SERDANG – Coklat mengandungi herba longkat ali, gamat, kacip Fatimah, mangkani, cengkih dan kayu manis antara produk unik dari Langkawawi, Kedah boleh didapati pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Produk keluaran Langkawawi Traditional Bakery itu dijual dengan harga promosi RM20 seketak dan RM30 dua kotak pada MAHA 2022 berbanding harga sebenar RM22 seketak.

Pengasas Langkawawi Traditional Bakery, Rosli Ahmad berkata, Coklat Unik Berherba itu berada

di pasaran Langkawawi sejak empat tahun lalu, malah mendapat permintaan tinggi termasuk pelancong dari luar negara.

"Pulau Langkawawi popular dengan produk dihasilkan daripada gamat, jadi kita tukar idea keluaran produk coklat mengandungi herba tradisional Melayu.

"Setakat ini sambutan diterima menggalakkan termasuk pelancong asing dari Arab yang menyukai produk coklat herba longkat ali untuk dibawa pulang ke negara mereka," katanya kepada *Kosmo!* di sini kelmarin.

Dalam pada itu, beliau berkata-

ra, setakat ini coklat tersebut hanya dijual di Langkawawi dan sepanjang jualanya di MAHA 2022, ia mendapat maklum balas baik daripada pengunjung.

"Coklat ini tinda di pasaran luar dan bagi sesiapa yang mahu membelinya, mereka akan ke Langkawawi untuk mendapatkan pelancong berkunjung ke sana.

"Alhamdulillah, sambutan diterima di MAHA 2022 juga baik memandangkan pengunjung tertarik dengan kemilikan coklat mengandungi ramuan herba," ujarnya.

Inovasi Bernas, FGVIF hasilkan Alma

PETALING JAYA – FGV Holdings Berhad (FGV) melalui anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF) melancarkan makanan ternakan ayam kampung di bawah jenama Alma yang merupakan sebahagian daripada usaha kumpulan untuk memumbang kepada agenda Sekuriti Makanan Negara dan Dasar Agromakanan Negara.

Penghasilan makanan ternakan ayam kampung yang diperbuat daripada formula baharu menggunakan produk sampingan kilang pemprosesan padi dan beras itu telah dibangunkan bersama FGV dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Pengarah Urusan Kumpulan Bernas, Datuk Harris Fadzillah Hassan berkata, inisiatif tersebut dijangka mengurangkan sebanyak 10 peratus kos pengeluaran dengan mengantikan komponen bijirin jagung yang diimport.

"Dengan pengeluaran makanan ternakan ayam kampung berkilas ini, negara akan dapat mengurangkan keberagantukan import makanan ternakan ayam, seterusnya memastikan ketersediaan produk dan dijual pada kadar yang lebih rendah.

"Kerjasama dengan FGVIF



MUSTAFA (empat dari kiri) pada majlis pelancaran produk terbaharu makanan ternakan ayam kampung, Alma di MAHA, Serdang baru-baru ini.

dalam pengeluaran makanan haiwan ini adalah surbangan kami ke arah menangani isu keselamatan makanan negara dan menambah nilai kepada produk sampingan serta hasil pemprosesan padi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena majlis pelancaran Alma yang disemburnakan oleh Menteri

di Jabatan Perdana Menteri (ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancangan Malaysia 2022 (MAHA 2022) di Serdang baru-baru ini.

Harris Fadzillah menjelaskan, melalui kerjasama tersebut, Bernas menawarkan untuk meningkatkan makanan ternakan berkualiti tinggi pada harga ber-

patutan untuk memastikan harga ayam dan daging lembu dijual pada kadar berpatutan.

Ketika ini, Malaysia mengeksport kira-kira lapan juta ekor ayam kampung setiap tahun dan hampir 10 peratus daripada pengeluaran itu dieksport ke Singapura, manakala selebihnya diedarkan di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang.

Potensi bekalan makanan ternakan untuk industri ini dijangka mencapai sebanyak 32,000 tan metrik setahun.

Bersempena majlis pelancaran, FGV turut mengumumkan produk ayam kampung segar yang dipasutukan di bawah jenama Ladang 57 dan boleh didapati di pasar raya besar ABCN Big di seluruh negara.

Nafas sasar bekal 144 juta ekor ayam setahun

SERDANG – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyasarkan untuk membekal 144 juta ekor ayam setahun bagi pasaran negara dalam tempoh tujuh atau lapan tahun akan datang.

Pengurus Kanan Kumpulan Pembangunan Perniagaan Nafas, Aminuddin Salleh berkata, sasaran itu sekali gus memenuhi kira-kira 20 peratus pasaran bagi bekalan ayam negara ini.

Menurutnya, sebagai entiti berkaitan kerajaan, Nafas mengambil langkah tersebut dalam usaha membantu kerajaan menyediakan bekalan ayam kepada pengguna.

“Sasaran ini melibatkan tiga fasa dan pada masa ini, kita masih peringkat fasa pertama. Ia memang ambil masa sedikit, memerlukan modal yang banyak selain agak ‘berat’ sebenarnya namun kita kena buat.

“Ayam merupakan sumber protein utama dan langkah yang diambil Nafas ini bagi me-

astikan bekalan ayam tempatan terjamin,” katanya ketika ditemui pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Dalam pada itu, ujarnya, rantaian bekalan ayam di negara ini meliputi anak ayam, makanan untuk ternakan ayam, reban, pusat penyembelihan seterusnya ke pasaran negara.

“Justeru, usaha ini akan dilaksanakan secara kerjasama antara Nafas, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan serta ahli-ahli di seluruh negara sekali gus semua rangkaian terlibat.

“Selain itu, kita juga akan mengenal pasti beberapa reban ayam termasuk mengambil alih ladang yang terbengkalai untuk diperbaharui,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, pada masa ini, Nafas mempunyai kekuatan dari segi fasiliti dan kemudahan dalam usaha memenuhi sasaran 144 juta ekor setahun itu.



AMINUDDIN menunjukkan dua ekor anak ayam berwarna merah jambu yang dipamerkan sempena MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.

NAFAS bakal terajui industri ayam


SERDANG: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bakal menjadi antara peneraju industri ayam daging negara dengan menyasarkan pengeluaran sehingga 144 juta ekor setahun dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun akan datang.

Pengurus Kanan Kumpulan Pembangunan Perniagaan NAFAS, Aminuddin Salleh berkata, sasaran itu dijangka dapat memenuhi kira-kira 20 peratus permintaan pasaran sumber protein tersebut.

“Sebagai entiti berkaitan kerajaan, NAFAS terpenggil untuk terlibat dalam industri ini bagi membantu memastikan sumber bekalan protein lebih terjamin.

“Jadi NAFAS sedang memastikan kita terlibat dalam keseluruhan rantaian bekalan bermula daripada anak ayam, makanan, reban sehingga ke pusat penyembelihan,” katanya ketika ditemui di Pavilion NAFAS sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam.

Aminuddin berkata, usaha berkenaan dijalankan secara kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Per-



AMINUDDIN Salleh menunjukkan anak ayam yang dipamer di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam..

tubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta ahli-ahli peladang di seluruh negara.

Dalam masa sama, beliau yakin NAFAS dapat memenuhi sasaran pengeluaran tersebut berdasarkan fasiliti dan kemudahan yang dimiliki.

Jelasnya, pemprosesan makanan ternakan dijalankan di NAFAS Feedmills Sdn Bhd manakala ladang baka ayam (Medan Juara Sdn Bhd) ma-

sing-masing terletak di Muar dan Kota Tinggi, Johor.

“Kita turut mempunyai pusat penyembelihan iaitu NAFAS Food Processing & Marketing Sdn. Bhd. di Sungai Bakap, Pulau Pinang.

“Selain itu, kita juga sedang mengenal pasti beberapa lokasi reban ayam termasuk mengambil alih ladang yang terbengkalai untuk diperbaharui,” ujarnya.

7,500 udang galah menanti kaki pancing

SERDANG: Lebih 7,500 ekor udang galah menanti kaki pancing di Laman Perikanan, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

Pengunjung berpeluang membawa pulang udang galah itu menerusi aktiviti memancing dikendalikan Kelab Sukan dan Sosial Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya sepanjang penganjuran MAHA 2022.

Yang Dipertua kelab itu, Mu-

hammad Zahir Zakaria berkata, pihaknya hanya mengenakan bayaran RM12 sejam bagi aktiviti itu beserta joran dan umpan.

Katanya, pihaknya memperoleh bekalan udang galah dari pengusaha akuakultur di Negeri Sembilan dengan setiap udang galah bersaiz antara 60 hingga 80 gram seekor.

Muhammad Zahir berkata, pihaknya melepaskan 500 ekor udang galah sehari pada hari biasa dan 1,000 ekor sehari masing-masing pada Sabtu dan Ahad.



MEMANCI udang galah antara aktiviti di laman perikanan. -
UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Guana solar tanam nanas waktu malam

Oket KAMARIAH KHALIDI

OKET KAMARIAH KHALIDI/AGROTEKNIK

SERDANG: Malaysia menjadi negara pertama mengapikasi dan memperkenalkan konsep penanaman nanas pada waktu malam yang dijangka diperluaskan kepada penanam industri dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, idea berkenaan merupakan inovasi baharu yang dicipta bagi mengoptimumkan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti solar.

Menurut beliau, dua lokasi yang menjadi projek rintis bagi penanaman waktu malam adalah RTP Bukit Goh, Kampung Pak Ngah Aziz, Kuantan dan Kampung Pulau Manis, Gambang di Pahang.

"Integrasi kawasan tanaman nanas dengan tenaga solar membolehkan sumber bekalan tenaga diguna pakai pada waktu malam bagi menjana aktiviti



PENGUNAAN tenaga solar untuk tanam nanas pada waktu malam mampu meningkatkan hasil selain tempoh matang dapat dipendekkan dari 14 bulan kepada 11 bulan. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

penanaman nanas yang secara morfologinya sesuai dilakukan pada waktu malam.

"Jadi berdasarkan pemer-

hatian awal yang dibuat di Pahang, penanaman yang dibuat pada waktu malam memendekkan tempoh kematangan buah nanas untuk dituai daripada 14 bulan kepada 11 bulan," katanya ketika ditemui di Laman Nanas Taman Ekspo Pertanian Malay-

sia Serdang (MAEPS) di sini ketamrin.

Mohd. Khairuzamri berkata, konsep tanaman waktu malam itu buat julung kali dipromosikan bersempena Paniteran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 bagi menarik minat orang ramai terhadap bidang pertanian.

Jelasnya, kaedah penanaman pada waktu malam itu akan mula diperluaskan ke seluruh negara selepas LPNM melengkapkan keseluruhan data-darata kajian.

"Apabila kita guna tenaga solar, kos akan menjadi lebih rendah selain tenaga itu boleh digunakan semula seperti bateri dron pertanian dan mesin penyemburan baja.

"Konsep ini juga dapat mengurangkan ancaman binatang perosak yang sering merosakkan tanaman pada waktu malam, apabila ada pekerja di ladang maka ia akan membataskan kehadiran makhluk perosak," ujarnya.



MAHA 2022
马来西亚农业、园艺和农产品展
2022年9月4日至14日
MAGS, 雪兰莪万隆



涵盖创新技术营销策略 农园艺旅游展示国家成就

马来西亚农业、园艺及农产品展 (MAHA) 1923 年推出，并经历了各个阶段演变至今日的展览认可。该展览是一连串的展会专门针对农业、园艺和农产品展示国家进步和成就的一部分。

MAHA 是一系列展示最新技术和创新为重要的农业新产品，有效的营销及出口策略，以及其他有助增加产量的方法。

2022 年马来西亚农

业、园艺及农产品展 (MAHA 2022) 以线上线下同步进行，实体展览期定于 9 月 14 日在雪兰莪马六甲农业展览中心 (MAGS) 举办，并将确保全程遵守所有标准作业程序。

线上展览和线下展览领域需求而设计的平台，如实体展会一样提供产品配对、展示产品与促销材料，这提供网络研讨会、促销会议、专家安全新体验，同时还将展示农业和食品领域的科技发展。

为期 11 天的展会主题为“未来农业 20 个重要配对，100 个小型企业/分享家/1500 个展位和销售额”。此外，预计设有 1500 个展位和销售额，以及 13 个州属展览馆，且具备各种特殊及外，还展示各州的特色，包括文化艺术、旅游景点、产品及食品。展览上还将进行超过 20 个重要配对，100 个小型企业/分享家/1500 个展位和销售额。



农业及食品工业部长拿督斯里罗建德博士 (右起) 及园艺科科长拿督哈兹姆 (左) 参观马六甲的展览。园艺及农产品展 (MAHA) 由雪兰莪州主办。



首相 (右二) 出席马六甲农业、园艺及农产品展 (MAHA) 时，一睹新成就可爱的新宠物狗。

首相：农粮融资基金增至 10 亿

首相于 7 月 5 日为 2022 年马来西亚农业、园艺及农产品展 (MAHA) 开幕仪式时，宣布了几个好消息，以鼓励农业业家从中受惠。

5000 万获 NewBiz 计划

首相在演讲中提到，马来西亚农业融资基金 (DPAKM) 贷款从原来的 8 亿令增至 10 亿令。

他说，为了鼓励国家粮食生产，农业及食品工业将在农业融资基金下，通过农业银行 (MABA) 获得 5000 万令的贷款。MABA 是农业及食品工业的专门银行，旨在为农业业家提供融资计划，为有志创业业家提供融资。

更多详情，请访问 maheko.gov.my

农长：潜在销售价值料逾 2.5 亿

农业及食品工业部长拿督斯里罗建德博士在 2022 年 MAHA 展在销售价值，预计将高达 2.5 亿 5000 万令。

他最近还介绍了 8 家海外市场代理公司的商业计划，并指出这是其中一项最佳且可持续的农业活动。

农业及食品工业部长拿督斯里罗建德博士在 2022 年 MAHA 展在销售价值，预计将高达 2.5 亿 5000 万令。

农业及食品工业部长拿督斯里罗建德博士在 2022 年 MAHA 展在销售价值，预计将高达 2.5 亿 5000 万令。

他最近还介绍了 8 家海外市场代理公司的商业计划，并指出这是其中一项最佳且可持续的农业活动。



Orang ramai mengunjungi MAHA 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang, semalam.

(Foto Aziah Azmee)

MAHA 2022 sudah catat jualan lebih RM10 juta

Serdang: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) yang bermula Khamis lalu, mencatatkan nilai jualan lebih RM10 juta, sehingga kelmarin.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jumlah pengunjung juga memberangsangkan dengan kehadiran hampir setengah juta orang, setakat semalam.

"Penganjuran MAHA ini bukan sahaja dibuat secara fizikal tetapi juga secara virtual, jumlah pengunjung yang mengakses melalui microsite Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga lebih 200,000.

"MAHA walaupun diadakan dua tahun sekali, kita berpuas hati dengan sambutan pengunjung secara virtual dan fizikal. Sasaran kita pula adalah untuk kutipan nilai jualan sebanyak RM250 juta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan 'Malaysia Fish and Seafood Exposition 2022' (MySE 2022) sempena MAHA 2022 di

MAEPS, semalam.

Mengenai MySE 2022, Ronald berkata, ia adalah platform bagi pengusaha dalam sektor dan subsektor perikanan menembusi pasaran antarabangsa.

"MySE mempamerkan produk laut yang diusahakan pengusaha tempatan dan tentu sekali kita harapkan produk ini dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Promosi pelbagai produk

"MAHA menemukan mereka (pengusaha) dengan pelbagai ejen pengimport dari luar negara dan entiti lain untuk mengangkat produk-produk mereka dan mengembangkan lagi perniagaan mereka," katanya.

Penganjuran MySE bertujuan mempromosikan makanan dan teknologi subsektor perikanan oleh pengusaha tempatan dalam usaha meneroka potensi pasaran baharu.

Selain itu, ia juga memberi peluang kepada pengunjung mengetahui keunikan hidupan marin dan aplikasi teknologi rantalan bekalan makanan.

MAHA 2022 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan', diadakan secara hibrid sehingga 14 Ogos ini. BERNAMA

Industri tenusu sedia 2,000 peluang kerja

Kuala Lumpur: Projek Lembu Tenusu berskala besar di Chuping, Perlis dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dan menggalakkan pembangunan industri penghasilan susu segar domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata projek itu juga meningkatkan tahap sara diri negara dalam mengeluarkan susu cecair dan segar, sekali gus mengurangkan defisit perdagangan makanan negara serta tekanan kos produk tenusu.

“Pembangunan projek ini membabitkan pelaburan sehingga RM4.5 bilion merangkumi penanaman makanan ternakan lembu tenusu, penghasilan dan pemprosesan susu segar, operasi pembungkusan serta pengedaran produk tenusu,” katanya menerusi catatan di Facebook, semalam.

Perdana menteri berkata, beliau menyaksikan pemeeteraian Perjanjian Usahasama di antara FGV Holdings Bhd, Baladna Food Industries WLL dan Touch Group Holdings Sdn Bhd, bagi projek itu selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, Sabtu lalu.

Ismail Sabri berkata, komitmen Malaysia untuk merealisasikan pembangunan projek ladang tenusu integrasi di negara ini susulan daripada lawatan beliau ke Qatar pada Mac lalu.

BERNAMA